



**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA PUAN MERIAM BINTI
ABDULLAH MENGENAI PENGALAMAN BELIAU SEMASA
BERADA DI ZAMAN PENJAJAHAN JEPUN DAN KOMUNIS
SEHINGGA TANAH MELAYU MERDEKA**

**DISEDIAKAN OLEH:
YUSRINAHIDAYAH BT. CHE ABD SAMAD
(2010347931)**

**PROJEK DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA, SEGAMAT, JOHOR
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 603- DOKUMENTASI SEJARAH LISAN**

SEMESTER 05 (JANUARI 2012 - JUNE 2012)

PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t,

Bersyukur kehadiran Ilahi kerana dengan izin kurnianya dapat juga saya menyempurnakan tugas bagi subjek kursus IMR 603 iaitu Dokumentasi Sejarah Lisan. Sepanjang menjalankan kerja kursus ini, saya telah memperoleh pelbagai pengalaman yang amat berharga dan bermakna dalam hidup saya sebagai seorang pelajar. Pengalaman yang saya perolehi sepanjang menjalankan tugas ini mungkin hanya akan datang sekali sahaja.

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat sepanjang menjayakan tugas ini. Terutamanya kepada pensyarah saya iaitu, Puan Azura Bt. Abdul Jamal @ Kamarudzzaman kerana beliau telah banyak memberikan tunjuk ajar kepada saya sepanjang menjalankan ini. Tunjuk ajar beliau amat membantu saya dalam usaha menyempurnakan tugas yang telah diamanahkan ini.

Oleh itu, saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Puan Meriam Bt. Abdullah yang telah banyak memberi kerjasama dan meluangkan masa untuk wawancara ini. Terima kasih juga kepada keluarga saya yang banyak membantu dengan memberi sokongan moral dan memberi bantuan kewangan bagi menyelesaikan tugas ini.

Selain itu, saya turut berterima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan saya kerana telah banyak menghulurkan bantuan dan kerjasama bagi merealisasikan usaha menyempurnakan tugas ini dengan jayanya. Terima kasih juga kepada sesiapa sahaja yang membantu sama ada yang langsung dan tidak langsung dalam menjayakan tugas ini. Sekian, terima kasih.

ISI KANDUNGAN

<u>PERKARA</u>	<u>MUKA</u>
<u>SURAT</u>	
PENGHARGAAN	i
ISI KANDUNGAN	ii
ABSTRAK	iv
1.0 PENGENALAN SEJARAH LISAN	1
1.1 LATAR BELAKANG PENJAJAHAN	
DI TANAH MELAYU	2
1.2 PENDUDUKAN JEPUN KE TANAH MELAYU	4
1.3 KOMUNIS DI TANAH MELAYU	16
2.0 TRANSKRIP WAWANCARA	23
3.0 LOG WAWANCARA	39
4.0 BIODATA TOKOH	42
5.0 SENARAI SOALAN	43

ABSTRAK

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA PUAN MERIAM BINTI ABDULLAH MENGENAI PENGALAMAN BELIAU SEMASA BERADA DI ZAMAN PENJAJAHAN JEPUN DAN KOMUNIS SEHINGGA TANAH MELAYU MERDEKA

ABSTRAK : *Wawancara ini telah dijalankan di Kampung Bukit Kulim, Marang, Terengganu pada hari sabtu bertarikh dua puluh satu April 2012 pada jam empat setengah petang bersama Puan Meriam Binti Abdullah. Beliau ialah seorang wanita yang menjadi saksi kejadian semasa zaman penjajahan Jepun dan Komunis. Temubual ini dijalankan selama dua puluh tiga minit lima puluh satu saat telah menekankan tentang pengalaman beliau dalam menjalani hidup yang penuh berliku ketika meningkat remaja. Beliau telah banyak menyaksikan kejadian yang tidak akan pernah dilupakan seumur hidup. Beliau merupakan saksi kejadian ketika Jepun menyerang Tanah Melayu. Selepas menyaksikan kejadian bagaimana Jepun menyerang Tanah Melayu dan setelah mereka berundur, beliau dikejutkan lagi dengan serangan komunis yang amat dahsyat ketika itu. Pengalaman beliau yang bernilai ini amat bermakna sekali.*

Kata Kunci: *Penjajahan Jepun, Penjajahan Komunis, Penjajahan British.*

1.0 PENGENALAN SEJARAH LISAN

Sejarah adalah sesuatu peristiwa yang telah lama berlaku atau perkara yang telah ditinggalkan oleh sesiapa sahaja dan jika ia tak dijaga maka hilanglah sejarah tersebut. Jadi, dengan adanya Sejarah Lisan, sejarah yang lampau boleh disimpan dengan baik. Jadi apakah maksud Sejarah Lisan?

Sejarah Lisan ialah satu pengumpulan dan pendidikan tentang informasi sejarah masa silam yang boleh dikaitkan dengan seseorang individu, keluarga, sesuatu peristiwa penting atau sesuatu yang biasa berlaku setiap hari. Dengan menggunakan pita video, kaset atau transkripsi temubual yang dirancang, ia boleh menolong merakamkan segala sejarah silam yang penting yang tidak akan berlaku lagi. Sejarah yang silam juga boleh dipelihara dan didengar semula jika proses ini dilakukan.

Temubual ini dibuat dengan memilih seseorang yang telah menyertai atau memerhatikan peristiwa lepas atau kenangan silam yang dilalui oleh beliau yang boleh dijadikan Sejarah Lisan. Jadi, persepsi ini mestilah dipelihara sebagai rekod aural untuk generasi akan datang supaya mereka tahu apakah sejarah silam yang berlaku sebelum mereka lahir.

Sejarah Lisan dapat menolong dengan mendapatkan maklumat dari perspektif yang berbeza dan kebanyakannya daripada Sejarah Lisan ini tidak boleh didapati dalam sumber-sumber yang bertulis. Sejarah Lisan mestilah dikumpul tetapi bukan yang telah kita tahu tapi maklumat, pemerhatian, dan cadangan yang tidak dapat dicari di tempat lain iaitu maklumat yang lain daripada yang lain walaupun dari fakta yang sama.

Jadi, Sejarah Lisan inilah yang boleh merekodkan sedikit sebanyak sejarah masyarakat itu sedangkan masyarakat sendiri tidak tahu kewujudan sejarah itu. Mari kita lihat sejarah penjajahan yang berlaku di Tanah Melayu.